

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

'Bukan Perlis tetapi rakyat Kedah paling ramai hidap kencing manis'

KANGAR - Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perlis menafikan dakwaan bahawa Perlis adalah negeri yang tertinggi mempunyai penghidap penyakit kencing manis dalam kalangan penduduknya.

Pengarah JKN Perlis, Dr Sirajuddin Hashim berkata, berlaku sedikit salah faham berhubung laporan media yang ditulis sebuah portal berita tempatan kelmarin sehingga mengelirukan banyak pihak.

"Mengikut laporan NHMS (Kajian Morbidity Kesihatan Peringkat Kebangsaan) terkini yang dijalankan lima tahun sekali, Kedah mempunyai *prevalence* yang tertinggi iaitu sebanyak 25.4 peratus rakyatnya menghidap penyakit kencing manis.

"Kedudukan Perlis dalam carta adalah selepas Kedah iaitu sebanyak 20.6 peratus atau seramai 33,090 orang," katanya pada sidang media di sini semalam.

Kelmarin, media melaporkan Perlis merupakan negeri tertinggi mempunyai rakyat yang menghidap penyakit kencing manis meskipun negeri itu mempunyai jumlah penduduk paling sedikit di Malaysia.



DR SIRAJUDDIN

Mengulas lanjut, Dr Sirajuddin berkata, pihaknya tidak berniat untuk menjatuhkan kredibiliti mana-mana pihak dengan mendedahkan data-data tertentu berkaitan masalah kesihatan kepada awam.

"Kita bukannya mahu berlumba untuk mendahului carta atau sebagainya tetapi objektif utama kita adalah

untuk memberitahu masyarakat betapa bahayanya penyakit kencing manis.

"Oleh sebab itulah kita menganjurkan pelbagai program seperti Hari Diabetes Sedunia sama ada di peringkat negeri mahupun kebangsaan," katanya.

Beliau berkata, setiap individu disarankan untuk menjalani ujian saringan bagi mencegah penyakit kencing manis.

"Seeloknya kawal pemakanan dengan mengamalkan konsep suku suku separuh dan jika pesakit telah menghidap penyakit kencing manis sebaiknya mereka perlu mengikut saranan pakar kerana ada pesakit yang mampu bertahan sehingga usia 80 tahun.

"Ahli keluarga juga perlu memainkan peranan penting dalam memberi sokongan kepada mereka yang menghidap penyakit kencing manis," katanya.